

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

3. Perubahan Kerajaan Pusat akan mengganggu hubungan dua hala. Berapa banyakkah kesan atau projek untuk rakyat yang dijangka terlibat?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Berdasarkan semakan dengan Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang terhadap senarai projek Persekutuan bagi tahun 2020 mendapati belum ada projek yang tertangguh/terbatal selepas pertukaran Kerajaan Persekutuan baru-baru ini. Sehingga 27 Mac 2020, jumlah keseluruhan projek yang sedang dilaksanakan dan akan diteruskan dalam *Rolling Plan 4* (RP4) tahun 2020 bagi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 159 projek yang melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM14.86 billion.

Kerajaan Negeri akan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan agar projek-projek yang dilaksanakan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan untuk kepentingan rakyat dan ekonomi Negeri Pulau Pinang.